

## Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat *Kilatan Emas* Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan<sup>1\*</sup> dan Mohd Firdaus Che Yaacob

*Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.*

### ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan cetusan idea penglipur lara masa lampau untuk mendidik akhlak masyarakat setempat melalui komunikasi secara lisan. Kaedah penyampaian yang dituturkan dari mulut ke mulut telah mampu membentuk akhlak mulia menerusi pengajaran dan iktibar yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Namun begitu, interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat kurang didedahkan oleh para sarjana dalam kajian mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat *Kilatan Emas* berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini telah membataskan penelitian aspek kepemimpinan dalam karya cerita rakyat bertajuk *Kilatan Emas*. Dengan itu, kajian ini telah menggariskan satu pendekatan dalam teori pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Selain itu, kajian menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan lapangan untuk menghasilkan sebuah kajian yang utuh. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa cerita rakyat *Kilatan Emas* memiliki interaksi sosioekonomi yang menonjolkan sikap kepemimpinan terhadap kanak-kanak dan remaja, selain mampu mengekalkan tradisi budaya masyarakat Melayu.

**Kata Kunci:** Sosioekonomi, Cerita Rakyat, Kepimpinan, Kanak-kanak, Remaja

### *Socioeconomic Interactions In The Kilatan Emas Folklore Triggered A Leadership Revolution For Children And Teenagers*

#### INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: 10 November 2021

Diterima: 14 Februari 2022

E-mail:

sitinurulsuhadahadnan@gmail.com\* (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan)

firdaus.cy@umk.edu.com (Mohd Firdaus Che Yaacob)

\*Penulis penghubung

#### ABSTRACT

*Folklore is the culmination of the idea of pastimes to educate the morals of the local community through oral communication. The method of word-of-mouth delivery has conveyed the values through the teachings and lessons in Malay folklore. Nevertheless, scholars' socio-economic interactions in*

*folklore are less revealed in their studies. Therefore, this study was conducted to identify and analyze socio-economic interactions in the Kilatan Emas folklore based on Malay Methodology Theory. This study is limited to examining aspects of leadership in a folklore work entitled Kilatan Emas. It has outlined an approach in Malay Methodological Theory, namely the Social Approach as a deductive study. In addition, the study uses qualitative methods that involve the*

*library and the field to produce comprehensive research. The results of the study prove that the folklore of Kilatan Emas has socio-economic interactions that highlight the leadership attitude towards children and teenagers as well as maintaining the Malay community's cultural traditions.*

**Keywords:** Socio-economic, Folklore, Leadership, Children, Teenagers

---

## PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan satu bentuk pendidikan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional disampaikan secara lisan. Hal ini dikatakan demikian, kerana masyarakat Melayu amat mementingkan tatasusila dalam aspek pergaulan sesama mereka. Oleh itu, mereka menggunakan kaedah penceritaan untuk menyampaikan nasihat kepada golongan muda. Rosmawati Harahap & Alkausar Saragih (2018) telah menegaskan bahawa cerita rakyat ialah satu bentuk medium lisan yang digunakan oleh masyarakat setempat untuk menyampaikan pengajaran serta iktibar yang berguna. Hal ini berlaku demikian, kerana masyarakat tua lebih menekankan aspek kesopanan dalam anggota komuniti. Kenyataan tersebut telah disokong oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) yang menegaskan bahawa cerita rakyat mampu menguatkan perpaduan serta keharmonian kehidupan bermasyarakat. Hal ini disebabkan oleh sesebuah komuniti mampu membina peradaban ihsaniah dalam kalangan kanak-kanak dan remaja untuk mengekalkan identiti bangsa menerusi penyampaian cerita rakyat yang bermanfaat. Selain itu, cerita rakyat diklasifikasikan sebagai genre yang diminati oleh setiap lapisan masyarakat Melayu tradisional tanpa mengira darjat atau pangkat seseorang (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Hal ini dikatakan demikian kerana penerapan gaya bahasa halus telah menonjolkan identiti masyarakat yang beradab tinggi. Oleh itu, masyarakat setempat mengekalkan kaedah penyampaian untuk mendidik anak bangsa yang lebih berdisiplin serta memiliki keupayaan sendiri yang berintegriti.

Manakala kepimpinan dianggap sebagai bentuk disiplin yang bertujuan menetapkan pendirian seseorang, iaitu untuk mengukuhkan matlamat kehidupan agar tidak terpesong akidahnya. Oleh itu, kebiasaannya dalam sebuah komuniti akan dilantik seseorang yang dipercayai sebagai peneraju aspek politik, ekonomi serta sosial. Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid (2018) telah berpendapat bahawa kepimpinan merupakan sebuah gerakan kerja yang melibatkan struktur organisasi yang utuh dan stabil. Hal ini terjadi demikian, kerana organisasi tersebut memiliki ketua yang berdaya saing, berintelektual serta mampu menyelesaikan masalah dengan adil dan saksama. Kenyataan ini telah disokong oleh Junaini Kasdan (2020) yang berpendapat bahawa kepimpinan ialah satu usaha seseorang ketua dalam mengendalikan urusan pentadbiran secara saksama kepada seluruh anggota organisasinya. Hal ini menyebabkan seseorang ketua akan menggiatkan seluruh daya usaha demi mencapai kecemerlangan secara maksimum. Kesannya, tindakan yang rasional dan berpotensi mampu diperoleh dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Kesimpulannya, cerita rakyat mampu memberikan impak positif kepada pendengarnya kerana memiliki intipati yang bermanfaat dan menyejahterakan kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, cerita rakyat mampu dijadikan sebagai kaedah pemangkin kepada pembentukan jati diri dalam diri kanak-kanak dan remaja. Kesannya, cerita rakyat memainkan peranan penting dan perlu dikekalkan penyampaiannya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja untuk membentuk sahsiah yang unggul dalam diri.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pengkaji telah meneliti beberapa sorotan kajian lepas untuk melihat kelompongan yang berlaku dalam penyelidikan kesusasteraan Melayu, khususnya terhadap cerita rakyat. Antaranya, kajian lepas yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017). Kajian ini menekankan pembelajaran yang menggunakan kaedah cerita rakyat. Cerita rakyat merupakan satu bentuk penceritaan secara lisan disampaikan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Maka, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis cerita rakyat sebagai medium pembelajaran asas dalam kalangan orang asal Sabah. Oleh itu, kajian mendapati bahawa masyarakat Sabah masih menggunakan kaedah penyampaian cerita rakyat sebagai langkah untuk mendisiplinkan perilaku kanak-kanak.

Selain itu, kajian lepas yang diteliti bertajuk *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif* oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018). Kajian ini membincangkan cerita rakyat berbentuk jenaka yang digunakan sebagai hiburan, di samping mendidik anak muda tentang perilaku yang baik. Hasil kajian mendapati bahawa cerita jenaka memiliki pewatakan positif yang diketengahkan oleh masyarakat Melayu demi menjaga peradaban serta tatasusila yang mulia.

Kajian seterusnya ialah yang bertajuk *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif* oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020). Kajian ini memperihalkan cerita rakyat yang banyak memberikan manfaat kepada pendidikan masyarakat Melayu khususnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan membincangkan peristiwa aneh yang terkandung dalam cerita *Hikayat Nakhoda Muda*. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa peristiwa aneh dalam cerita rakyat yang menjadi kepercayaan serta kebudayaan masyarakat setempat.

Di samping itu, kajian lepas yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) juga dikaji. Kajian ini menekankan medium cerita rakyat sebagai asas peradaban yang menjadi lambang kemegahan masyarakat Melayu tradisional. Kajian ini menggunakan Teori Takmilah sebagai pendekatan yang lebih deduktif. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa nilai-nilai Islam yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu bertepatan dengan syariah yang dianjurkan disemai menerusi cerita rakyat Melayu.

Sementara itu, kajian lain yang diteliti ialah yang bertajuk *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Kajian ini memperihalkan naratif lisan sebagai satu bentuk kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu untuk mempertuturkan serta menyemai perlakuan yang positif. Oleh hal yang demikian, kajian ini mendapati bahawa masyarakat Melayu masih menyemai akal budi dalam naratif lisan menerusi setiap perlakuan serta pertuturan.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah* oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid (2021) juga diteliti. Kajian ini memperlihatkan kesinambungan kebudayaan yang dimiliki cerita rakyat bagi pengekaln identiti bangsa. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai kepahlawanan dalam *Tangon Suku Kimaragang di Sabah*. Hasil kajian ini merumuskan bahawa masyarakat Melayu mampu mengekalkan tradisi kepahlawanan menerusi cerita rakyat disampaikan secara terus kepada anggota masyarakatnya.

Dalam pada itu, kajian lain yang diteliti ialah yang bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini

membincangkan satu bentuk penceritaan yang disampaikan secara lisan bagi tujuan mendidik masyarakat tempatan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi tujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam terhadap cerita lisan Melayu. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat nilai tawakal yang sering diamal oleh masyarakat Melayu untuk membentuk sifat tawaduk terhadap Allah SWT.

Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu memiliki peranan tersendiri dalam membentuk jati diri masyarakat setempat agar lebih bertamadun dan berbudi bahasa. Namun begitu, pengkajian lepas dilihat masih belum dilaksanakan secara tuntas. Hal ini dikatakan, demikian kerana kajian lepas kurang menitikberatkan aspek kepemimpinan dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini telah membuatkan skop tersebut menjadi terpencil dan kurang diperhatikan dalam kalangan masyarakat setempat. Oleh hal yang demikian, pengkaji memiliki rasa tanggungjawab untuk mengetengahkan aspek kepemimpinan terhadap kanak-kanak dan remaja pada hari ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kemasyarakatan kerana dilihat lebih akrab dengan norma-norma yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini dijalankan setelah pengamatan dilakukan terhadap beberapa sorotan kajian lepas daripada pengkaji terdahulu. Pengamatan merujuk kajian lepas di atas yang dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat Melayu memiliki kesinambungan budaya, yang seharusnya dimartabatkan serta dikekalkan. Hal ini dikatakan demikian, kerana cerita rakyat memiliki satu bentuk identiti yang menyerlahkan identiti masyarakat Melayu. Oleh itu, pola pemikiran masyarakat Melayu telah dibentuk secara alamiah, lalu menjadikannya satu komuniti yang memiliki keperibadian yang tinggi di persada Nusantara.

Berdasarkan kajian lepas yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kelompokan yang wujud dan seharusnya diberikan perhatian penuh untuk memastikan bahawa pengkajian terhadap kepemimpinan dalam cerita rakyat dilakukan secara lebih berintegriti. Oleh itu, kajian ini akan menyelusur di segenap cerita rakyat untuk memberikan penekanan terhadap aspek kepemimpinan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Perkara tersebut menyebabkan kajian ini mampu menangkis stigma masyarakat yang prajudis terhadap keberkesanan penyampaian cerita rakyat Melayu. Justeru itu, kajian ini diharapkan mampu memperjelas aspek kepemimpinan terhadap kanak-kanak dan remaja secara terperinci yang wujud dalam cerita rakyat Melayu kepada masyarakat pada hari ini.

### **BATASAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini telah membataskan penelitan cerita rakyat yang bertajuk *Kilatan Emas*. Cerita rakyat ini diperoleh hasil daripada temu bual bersama-sama penglipur lara, iaitu Encik Muhd Rawi Jusoh di Bachok, Kelantan. Beliau berusia 63 tahun dan berkemampuan dalam menyampaikan cerita rakyat dengan baik. Seterusnya, kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) untuk memperkukuh hasil dapatan kajian. Teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan dilihat lebih akrab dan sinonim dengan adab resam masyarakat Melayu yang mementingkan tatasusila serta kehalusan budi.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Pada masa ini, kajian yang menitikberatkan cerita rakyat Melayu mulai menguasai bidang penyelidikan. Hal ini timbul apabila para sarjana mulai menyedari kesenian kreatif yang wujud dalam cerita rakyat. Oleh sebab itu, cerita rakyat seharusnya diterokai secara mendalam dalam kalangan para sarjana kerana memiliki manfaat kepada pengkajian. Hal ini tercetus apabila

kandungan cerita rakyat yang memiliki amanat, nasihat serta pengajaran diselitkan melalui penggunaan bahasa halus. Kehalusan bahasa yang dituturkan itu perlu dieksploitasi sedaya upaya untuk mempamerkan kesopanan dan budi bahasa masyarakat Melayu tradisional kepada golongan kanak-kanak dan remaja. Hal ini dapat membangkitkan rasa cinta dalam kalangan kanak-kanak dan remaja akan kebudayaan yang menjadi identiti masyarakat Melayu.

Seterusnya, cerita rakyat mampu dikembangkan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan remaja. Hal ini kerana jalan penceritaan yang disampaikan banyak memiliki unsur moral yang mampu membentuk sahsiah dalam diri kanak-kanak dan remaja. Oleh itu, kajian ini penting untuk diketengahkan agar mampu mendidik golongan kanak-kanak dan remaja mendisiplinkan diri. Hal ini menyebabkan kanak-kanak dan remaja mampu membesar dan menjadi manusia yang mampu berbakti kepada masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh penerapan inti pati cerita rakyat diambil daripada sudut positif mampu memperbaiki diri seseorang manusia. Kesannya, golongan kanak-kanak dan remaja mampu membentuk negara kita sebagai negara maju pada masa akan datang.

Kesimpulannya, kajian ini mampu memberikan manfaat yang positif kepada kanak-kanak, remaja dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana kebudayaan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu memiliki pemikiran serta falsafah yang bersangkutan paut dengan kehidupan seharian masyarakatnya. Sehubungan dengan itu, analisis terhadap sifat kepimpinan dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan ini dihasilkan mampu memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat Melayu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk memperoleh bahan yang terdiri daripada kamus, jurnal serta buku. Bahan ini diperoleh daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Negeri Kelantan dan Perpustakaan Negeri Terengganu untuk mendapatkan maklumat secara menyeluruh dan terperinci.

Seterusnya, kajian ini turut menggunakan kaedah lapangan untuk mendapatkan maklumat yang utuh. Oleh itu, kaedah ini melibatkan proses rakaman serta temu bual bersama-sama penglipur lara di daerah Bachok, Kelantan. Hal ini dikatakan demikian untuk mendapatkan cerita rakyat yang fleksibel dan berkualiti untuk diperlihatkan kepada khalayak. Maka, pengkaji telah mengajukan beberapa pertanyaan lisan bagi pengukuhan maklumat yang diperoleh bersama-sama penglipur lara. Hal ini menyebabkan wujudnya interaksi dua hala antara pengkaji dengan penglipur lara.

Selain itu, pengkaji turut melakukan rakaman suara dan video untuk memperincikan setiap maklumat yang diperoleh daripada penglipur lara. Hal ini untuk mengelakkan berlakunya keciciran maklumat yang penting dalam proses mencatat. Tambahan pula, melalui proses rakaman ini mampu memperlihatkan kepada masyarakat perihal kaedah penyampaian cerita rakyat pada zaman dahulu kala. Kesannya, setiap maklumat mampu dicatat, disaring dan diperincikan dengan lebih teliti serta diklasifikasikan sebagai bahan yang sahih serta berkualiti.

## **TATACARA PENYELIDIKAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kerangka *folklore* yang digagaskan oleh Dundes (1965). Kerangka ini terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu pengenalpastian, pengumpulan data dan penganalisisan data. Melalui peringkat pengenalpastian, pengkaji telah menemui ketua mukim untuk mendapatkan maklumat tentang penglipur lara. Setelah menemui ketua mukim, beliau mencadangkan dua nama penglipur lara untuk membantu proses penyelidikan ini, iaitu Encik Muhd Rawi Jusoh dan Encik Abdul Rahman Mohamad di daerah Bachok, Kelantan. Peringkat

ini merupakan bahagian penting kepada pengkaji untuk mengetahui maklumat terperinci penglipur lara yang ingin ditemu bual.

Pada peringkat pengumpulan data, pengkaji telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan penglipur lara. Hal ini membolehkan pengkaji melaksanakan kajian secara sistematik dan teratur dengan adanya kerjasama kedua-dua pihak. Oleh itu, pengkaji telah berbincang dengan penglipur lara tentang masa dan tarikh yang bersesuaian. Pengkaji telah mendapatkan maklumat yang jelas melalui hubungan kerjasama bersama-sama Encik Muhd Rawi Jusoh di Kampung Rusa, Bachok, Kelantan. Proses temu bual telah dijalankan pada 5 Mac 2020 tepat jam 9.30 pagi. Proses temu bual telah dilakukan selama satu jam setengah untuk mendapatkan maklumat yang terperinci dan jelas. Proses temu bual ini melibatkan tiga orang yang memiliki peranan dalam proses pengumpulan data. Oleh itu, pengkaji mampu mengumpulkan serta menyalurkan maklumat yang diperoleh secara sistematik dan teratur.

Selain itu, pada peringkat analisis data, kajian ini menganalisis sifat kepemimpinan yang wujud dalam cerita rakyat *Kilatan Emas* terhadap kanak-kanak dan remaja. Sifat kepemimpinan ini diperoleh dalam cerita rakyat *Kilatan Emas* akan dianalisis secara terperinci serta memperlihatkan pendapat daripada sarjana. Kajian ini turut menjelaskan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pengaplikasian teori ini melalui pendekatan kemasyarakatan mampu menjelaskan aspek kepemimpinan yang diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh konsep pemikiran masyarakat Melayu yang mementingkan disiplin dalam setiap perbuatan mahupun pertuturan. Oleh itu, kaedah yang telah digariskan ini mampu menampilkan sifat kepemimpinan yang terkandung dalam cerita rakyat untuk memperkasakan pendidikan negara selain mengekalkan kebudayaan masyarakat Melayu.

## **TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU**

Menerusi kajian ini, pengkaji menerapkan teori pengkaedahan Melayu agar dapat dilakukan analisis yang mampan dan jelas. Teori pengkaedahan Melayu ini dipilih kerana dilihat memiliki keakraban yang utuh dari sudut pemikiran serta perilaku masyarakat Melayu. Teori pengkaedahan Melayu ini digagaskan oleh Hashim Awang pada 1989 yang menekankan gaya kehidupan manusia, yang merangkumi perilaku kehidupan dan kepercayaan dalam masyarakat Melayu, yang melahirkan prinsip tersendiri. Maka, teori ini memperlihatkan idea yang kreatif dan pemikiran pengarangnya. Kajian ini mengambil inti pati pendekatan kemasyarakatan yang memperlihatkan perkembangan kebudayaan masyarakat Melayu. Pendekatan kemasyarakatan lebih memperihalkan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkapkan dan didapati dalam sastera Melayu yang berfungsi khusus, dengan membawa perutusan besar untuk menyejahterakan dan membahagiakan umat manusia, tidak secara langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam' (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, aspek ini menekankan suatu sistem yang adil dalam kehidupan bermasyarakat. Justeru, pendekatan masyarakat berupaya untuk mendedahkan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat dan mencari penyelesaian berdasarkan syaria, ibadat, moral, ekonomi, sosial, dan politik dari aspek Islam.

## **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini akan menganalisis berkenaan kepemimpinan dalam cerita *Kilatan Emas* di Bachok, Kelantan menerusi interaksi sosioekonomi. Antara sifat kepemimpinan yang ingin dianalisis ialah kepemimpinan menerusi pertuturan yang baik, kepemimpinan menerusi tindakan berhemah serta kepemimpinan menerusi pemikiran rasional.

Kepimpinan didefinisikan sebagai satu keupayaan yang dilakukan oleh seseorang individu bagi tujuan menggerakkan hasil kerja yang lebih mampan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Oleh itu, individu tersebut akan memiliki daya bertindak ke atas orang lain bagi tujuan menyempurnakan kerja-kerja dalam organisasi. Hal ini tercetus apabila individu tersebut mampu bertindak mengikut kaedah tertentu seperti melaksanakan tatacara yang bersesuaian dan diskripsi kerja. Kenyataan ini juga telah disokong oleh Rosmawati Harahap & Alkausar Saragih (2018) yang menegaskan bahawa kepimpinan ialah perangai seseorang individu dalam melaksanakan tugas. Oleh itu, tingkah laku kepimpinan ini didorong atas dasar struktur organisasi serta sikap bertimbang rasa. Kesannya, anggota-anggota di bawah pimpinan individu tersebut mampu merasai ikatan yang utuh sebagaimana perhubungan persahabatan, saling mempercayai serta kemesraan antara pekerja dan majikan.

### **Kepimpinan Menerusi Pertuturan Yang Baik**

Menurut Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid (2018), pertuturan yang baik merupakan ungkapan yang dilafazkan melalui penggunaan bahasa yang indah serta halus oleh seseorang individu. Oleh itu, gaya percakapan amat penting bagi seseorang ketua demi menggerakkan organisasinya ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana melalui keterampilan dalam menutur kata-kata, seseorang individu itu mampu diangkat menjadi ketua yang berwibawa. Kenyataan ini telah disokong oleh Siregar & Hendriadi (2019) yang berpendapat bahawa pertuturan ialah gaya percakapan yang diungkapkan dengan perkara positif serta bermoral. Hal ini dikatakan demikian, kerana sesebuah organisasi atau negara maju mempratikkan percakapan yang bermanfaat bagi membangunkan ekonomi, sosial serta pentabiran ke arah yang lebih dinamik. Kesannya, masyarakat yang berintegriti mampu dibentuk sahsiah yang bermoral dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Kepimpinan menerusi pertuturan yang baik mampu dilihat dalam cerita rakyat bertajuk *Kilatan Emas*. Sikap tersebut telah ditonjolkan dalam petikan seperti di bawah:

#### **Petikan 1**

Kecantikan Puteri Saadong tersebar meluas hingga ke Negeri Siam. Raja Siam merasakan terlalu taksud dengan kecantikan Puteri Saadong itu lalu meminta pembesar kepercayaannya, iaitu Tok Ta Bar untuk menjadikan Puteri Saadong sebagai isteri. Hasrat Raja Siam itu disampaikan oleh Tok Ta Bar kepada Puteri Saadong. Namun, tujuan itu telah ditolak secara baik kerana memikirkan pada ketika itu Negeri Siam banyak bekerjasama dalam aspek perdagangan.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Melalui petikan di atas, sikap kepimpinan menerusi pertuturan yang baik mampu dilihat pada watak Puteri Saadong. Hal ini dikatakan demikian, kerana budi bicara yang dilontarkan oleh watak tersebut. Hal ini dibuktikan melalui percakapan Puteri Saadong yang menolak secara baik peminangan Raja Siam. Sikap sedemikian telah menampakkan kehalusan budi masyarakat di negeri Kilatan pada ketika itu. Biarpun Puteri Saadong seorang yang cantik, namun baginda tidak bersikap bongkak dengan sesiapa pun. Oleh itu, baginda bercakap dengan nada-nada yang halus untuk mengelakkan pertelingkahan. Hal ini kerana Puteri Saadong sedia maklum akan hubungan diplomatik yang terjalin antara negeri baginda dengan Siam. Oleh itu, baginda cuba untuk menjaga perhubungan ekonomi itu dengan sebaik mungkin. Kesannya, watak ini telah menjadi satu inspirasi kepada perkembangan kanak-kanak dan remaja untuk sentiasa bertanggungjawab dalam apa-apa tindakan yang diambil.

## Petikan 2

Pada suatu hari, Puteri Saadong mengumpulkan semua pembesar negeri untuk membincangkan perkara ini. Ramai yang berpendapat bahawa penolakan Puteri Saadong terhadap Raja Siam itu menjadi punca ekonomi negeri itu merundum jatuh. Namun, terdapat seorang pembesar menyatakan bahawa mereka perlu mencari penyelesaian bagi permasalahan ini agar rakyat tidak menderita. Mereka bersetuju dengan pendapat itu.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, sikap kepimpinan menerusi pertuturan mampu dilihat daripada watak pembesar. Hal ini terjadi demikian, akibat penolakan peminangan Puteri Saadong telah membuatkan aktiviti perdagangan negeri tersebut telah merosot. Walaupun begitu, Puteri Saadong tidak mudah berputus asa, malahan mengumpulkan para pembesar sama-sama berbincang untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Sokongan padu daripada para pembesar untuk saling memberikan pendapat untuk menyelesaikan masalah tersebut. Hal ini, jelas dibuktikan melalui perbincangan sesama pembesar dan pemerintah telah membawa berkah kepada aktiviti perdagangan negeri tersebut. Hal ini jelas apabila sistem barter yang dicadangkan mampu meningkatkan kembali aktiviti perdagangan, walaupun tidak serancak dahulu. Namun, muafakat tersebut telah mengembalikan kegemilangan negeri itu. Natiujahnya, kanak-kanak dan remaja mampu memupuk sifat muafakat dalam mendapatkan sebarang keputusan yang bernas dan berkualiti sesama rakan sebaya.

Melalui cerita rakyat *Kilatan Emas*, pengkaji melihat terdapat interaksi sosioekonomi yang berlaku dalam penceritaan tersebut. Perubahan dalam sosioekonomi yang berlaku telah mempengaruhi struktur pimpinan Puteri Saadong pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana Raja Siam telah memberikan ancaman kepada para pedagang untuk tidak berdagang di negeri Puteri Saadong. Hal ini disebabkan peminangan Raja Siam yang ditolak oleh Puteri Saadong. Oleh hal yang demikian, penyusunan strategi dalam menstabilkan ekonomi adalah penting bagi kelangsungan hidup rakyat jelata di bawah naungan Puteri Saadong. Maka, sistem sosioekonomi perdagangan komersial telah berubah kepada sistem barter, iaitu sistem penukaran barang. Hal ini memperlihatkan kepada kanak-kanak dan remaja tentang kepentingan dalam mengatur strategi dalam menangani situasi getir. Kesannya, kanak-kanak dan remaja mampu memiliki keterampilan diri melalui pemikiran kritis dalam menangani masalah yang dihadapi tanpa memerlukan bantuan ibu bapa.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) menjelaskan bahawa aktiviti muafakat serta pertuturan mampu mengembalikan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini berlaku demikian kerana watak-watak dalam cerita *Kilatan Emas* masih memikirkan situasi yang memberikan manfaat kepada masyarakat sekeliling. Oleh sebab itu, melalui percakapan yang baik membantu watak-watak dalam cerita di atas untuk lebih menjaga peradaban masyarakat Melayu dengan menjaga percakapan lisan.

## **Kepimpinan Menerusi Tindakan Berhemah**

Uli Wahyuni & Nurshella Amhar Rasidah (2019) telah menyifatkan tindakan berhemah ialah satu bentuk pendekatan yang diambil oleh seseorang untuk menjaga kebajikan anggota, baik dalam organisasi mahupun masyarakatnya. Hal ini menjurus kepada tindakan beradab sopan serta berbudi pekerti dalam pergaulan seharian. Kenyataan ini telah disokong oleh Asniza Zakaria (2019) yang menegaskan tindakan berhemah merupakan seseorang yang mampu menjaga tata tertib, kelakuan serta mampu menyesuaikan diri dengan setiap lapisan masyarakat. Tindakan berhemah mampu dilihat pada sikap menghormati, tidak menyinggung perasaan orang



lain, serta memiliki kemahiran sosial untuk diamalkan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, menurut Muhammad Nur Al-Hakim Muhamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) tindakan berhemah ialah keupayaan tingkah laku dalam melaksanakan sesuatu perkara yang betul dan bermanfaat kepada masyarakat setempat. Hal ini diselaraskan dengan perasaan moral yang wujud dalam hati secara sukarela demi memikul tanggungjawab serta akauntabiliti. Kesannya, masyarakat mengamalkan prinsip sebegini mampu memiliki keyakinan yang tinggi dalam mengurus sesebuah organisasi yang besar.

Kepimpinan menerusi tindakan berhemah mampu dikemukakan dalam cerita rakyat yang berjudul *Kilatan Emas*. Perlakuan itu mampu dilihat dalam petikan di bawah:

#### Petikan 3

Rakyat dalam negeri itu kebanyakannya menjalankan aktiviti perdagangan, pertanian, mengumpulkan hasil hutan dan menternak binatang, seperti lembu, kerbau dan kambing. Kecantikan baginda membuatkan ramai putera raja ingin mencuba nasib memikat hati baginda namun semuanya ditolak. Hal ini kerana baginda ingin mengfokuskan pentadbiran negeri. Baginda bimbang akan kestabilan negeri itu akan goyah jika baginda mendirikan rumah tangga.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, sikap kepimpinan menerusi tindakan berhemah mampu dilihat pada watak Puteri Saadong. Puteri Saadong merupakan seorang puteri raja yang cantik, namun tidak mahu mendirikan rumah tangga. Hal ini kerana baginda takut pergolakan dalam pentadbiran akan berlaku apabila baginda mendirikan rumah tangga. Oleh itu, demi kesejahteraan rakyat jelata, baginda telah berjaya menguruskan pentadbiran, seperti raja-raja di negeri lain. Hal ini telah menjadikan baginda sebagai seorang pemerintah yang memiliki pengaruh kuat dalam ekonomi serta penaklukan kawasan. Hal ini jelas apabila di bawah pemerintahan baginda, ekonomi negeri tersebut kian membangun dan stabil. Keadaan tersebut membolehkan negeri naungan baginda mampu bersaing dengan negeri lain dalam mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Kesannya, kegiatan daya saing baginda telah membolehkan kanak-kanak dan remaja mendapat pengetahuan akan tindakan yang bermoral untuk dilaksanakan ketika menghadapi situasi getir.

#### Petikan 4

Selang sepurnama rakyat menjalani kehidupan dengan mengamalkan suster barter, salah seorang rakyat negeri bernama Ambak telah ke sungai negeri itu untuk menjala ikan untuk menampung kehidupannya. Sedang dia menebar jala, dia perasan akan satu kilauan yang bersinar lalu menuju ke arah sinaran itu. Alangkah terkejutnya dia melihat akan emas yang bersinar dalam sungai itu. Oleh itu, dia segera menuju ke istana tempat Puteri Saadong bersemayam sambil dibawa emas yang ditemukan itu.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Melalui petikan di atas, watak Ambak juga memperlihatkan sifat kepimpinan menerusi tindakan berhemah. Tindakan berhemah dibuktikan dengan tingkah lakunya yang menemukan kilauan di sungai. Tingkah lakunya yang segera memaklumi Puteri Saadong akan hal tersebut telah mampu menjanakan ekonomi kepada negeri tersebut. Hal ini disebabkan oleh kilauan yang ditemukannya itu adalah berupa emas. Lantas, perkhabaran tentang itu telah disambut dengan tindakan mencari gali emas di kawasan sungai. Tindakan Ambak telah menggambarkan kemurnian hati dalam menyampaikan berita gembira kepada seluruh masyarakat. Secara tidak

langsung, tindakan Ambak telah mendorong kebangkitan aktiviti perdagangan di negeri tersebut. Natiujahnya, kanak-kanak dan remaja mampu menerapkan sikap positif dalam diri menerusi pengamatan terhadap watak Ambak.

Melalui cerita rakyat *Kilatan Emas*, pengkaji mendapati bahawa interaksi sosioekonomi berlaku dalam kalangan rakyat jelata bawah naungan Puteri Saadong. Hal ini dilihat menerusi gaya kehidupan yang diterapkan dalam kalangan rakyat jelata. Rakyat jelata dilihat menceburi bidang perdagangan, pertanian, mengumpulkan hasil hutan serta penternakan untuk meneruskan kehidupan seharian. Namun, setelah kejadian peminangan Raja Siam ditolak, kehidupan rakyat jelata kian susah untuk mencari makan. Hal ini kerana, para pedagang menolak untuk bekerjasama dengan negeri Puteri Saadong disebabkan oleh pengaruh Raja Siam. Oleh itu, rakyat jelata yang mengusahakan aktiviti perdagangan kehilangan punca pendapatan. Manakala, aktiviti pertanian dan penternakan mengalami lebihan pengeluaran kerana hasilnya tidak dapat dijual. Justeru itu, pemerintah di negeri itu mengambil pendekatan dengan mengamalkan sistem barter untuk mengelakkan lebihan pengeluaran hasil pertanian dan penternakan. Akibat daripada penceritaan ini, kanak-kanak dan remaja mampu membina tindakan sendiri yang positif dan berhemah dalam menyelesaikan masalah.

Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) telah menjelaskan bahawa watak dalam cerita rakyat di atas berusaha secara maksimum untuk mendapatkan sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh prinsip yang diamalkan oleh masyarakat Melayu, iaitu melaksanakan apa-apa tindakan demi kebaikan secara bersama-sama. Hal ini telah menyebabkan kesepaduan hati dalam kalangan masyarakat demi memperoleh matlamat yang diinginkan. Justeru itu, setiap permasalahan yang berlaku dalam komuniti akan diselesaikan secara saksama, demi kesejahteraan kehidupan bersama. Akibatnya, kanak-kanak dan remaja mampu memupuk sikap merendahkan diri dan menerima pandangan pihak lain dalam memperbaiki diri sendiri ke arah yang lebih baik.

### **Kepimpinan Menerusi Pemikiran Rasional**

Menurut Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018), pemikiran rasional merupakan bentuk fikiran yang digubal oleh seseorang bagi memenuhi jati diri serta prinsip hidup. Pemikiran yang wajar mampu dijadikan sebagai pedoman dan panduan kepada masyarakat setempat. Hal ini kerana kewajaran pemikiran mampu membentuk aktiviti dan perilaku yang lebih baik serta dilimpahi keberkatan dan rahmat. Seterusnya, menurut Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid & Ani Omar (2018) berpendapat bahawa pemikiran rasional ialah kemampuan seseorang dalam membuat pertimbangan yang wajar. Hal ini dijelaskan melalui pemikiran logik serta munasabah yang utuh bagi penjelasan sesuatu perkara. Oleh itu, setiap keputusan yang diambil merupakan langkah terbaik untuk dilaksanakan. Kesannya, masyarakat lebih peka dan berfikir secara kritis demi mendapatkan hasil yang baik.

Sifat kepimpinan menerusi pemikiran rasional dapat dilihat dalam petikan cerita *Kilatan Emas*. Perkara ini mampu diperincikan dalam petikan seperti di bawah:

#### **Petikan 5**

Tersebutlah kisah pada zaman dahulu di sebuah Negeri Cik Siti Wan Kembang. Negeri ini diperintah oleh seorang puteri yang ayu jelita bernama Puteri Saadong. Perilakunya lembut, namun kebijaksanaanya mengatasi kemampuan seorang putera raja. Kemampuannya dalam mengatur sebuah negeri tiada tolok bandingnya dengan

kemampuan raja-raja lain. Negerinya yang aman dan damai kerana kebijaksanaanya mengatur rakyat dalam negeri itu.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, watak Puteri Saadong memperlihatkan sifat kepimpinan menerusi pemikiran rasional. Hal ini dibuktikan melalui kemampuan baginda yang setanding dengan raja-raja negeri lain, dalam memerintah pentadbiran. Baginda dilihat bijak mengatur pentadbiran, sistem pertanian serta perdagangan yang menguntungkan negeri tersebut. Hal ini menjelaskan bahawa Puteri Saadong mampu membuat keputusan yang rasional demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat jelata. Oleh itu, Puteri Saadong mampu memerintah secara adil dan saksama, di samping meningkatkan sosioekonomi negeri tersebut. Struktur pemerintahan yang bijaksana telah memperlihatkan kepada kanak-kanak untuk lebih memupuk pemikiran yang berdaya saing. Hal ini akan menghasilkan golongan kanak-kanak dan remaja yang bijak mengurus pentadbiran negara pada masa akan datang.

#### Petikan 6

Datuk Bendahara menyarankan supaya hasil yang diperoleh oleh rakyat digunakan untuk menjalani kehidupan mereka. Rakyat juga disarankan untuk mengamalkan sistem barter untuk mendapatkan barang keperluan seharian mereka. Keadaan negeri itu kembali seperti sedia kala.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Melalui petikan di atas, sifat kepimpinan menerusi pemikiran rasional mampu dilihat pada watak Datuk Bendahara. Sifat keterampilan yang tinggi telah membuatkan watak ini mampu memberikan pendapat yang rasional. Cadangan ini disampaikan kepada Puteri Saadong setelah beberapa penelitian dilakukan. Oleh sebab itu, cadangan sistem barter telah diterima oleh semua pembesar dan Puteri Saadong. Hal ini kerana melalui pengamalan sistem barter, aktiviti perdagangan dalam kalangan rakyat masih mampu diteruskan. Hal ini menyebabkan tiada pembaziran dalam setiap pengeluaran, baik pertanian mahupun penternakan. Oleh itu, sistem ekonomi negeri itu masih mampu bertahan dan menampung keperluan rakyat jelata. Penceritaan sebegini telah memperlihatkan kepada golongan kanak-kanak dan remaja untuk sentiasa rasional dalam mendapatkan keputusan yang optimum memenuhi keperluan setiap lapisan komuniti.

Melalui cerita rakyat *Kilatan Emas*, interaksi sosioekonomi jelas diperlihatkan menerusi watak-wataknya. Hal ini kerana barisan pemimpin di negeri Kilatan memperlihatkan daya intelektual seseorang dalam menyelesaikan masalah. Watak-watak ini tidak mudah gentar dalam menghadapi masalah, malah mampu menyelesaikannya secara saksama. Hal ini telah memberikan impak kepada golongan yang menerimanya, iaitu rakyat jelata. Perubahan aktiviti perdagangan komersial hakikatnya memberikan kesan yang mendalam kepada anggota masyarakat. Namun, berkat kebijaksanaan pemerintah telah mampu menstabilkan kembali aktiviti ekonomi kepada rakyat jelata melalui sistem barter. Hal ini memberikan gambaran kepada kanak-kanak dan remaja tentang pentingnya memiliki daya intelektual bagi penyelesaian masalah. Lantas Oleh itu, kanak-kanak dan remaja akan berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu yang berguna demi menjamin masa hadapan yang lebih baik.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) terlihat jelas dalam cerita ini. Pendekatan ini memperlihatkan setiap pendapat diambil kira oleh watak-watak cerita rakyat terhadap situasi yang menimpa masyarakat sekeliling. Hal ini membuktikan bahawa sistem sosioekonomi juga menitikberatkan kehidupan masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian, kerana hierarki masyarakat yang

mementingkan kesejahteraan serta manfaat berguna demi kelangsungan kehidupan yang aman damai. Hal ini disebabkan oleh ketua komuniti yang memegang teguh prinsip serta syariat yang dituntut dalam Islam. Kesannya, setiap lapisan masyarakat berhak menerima utiliti yang saksama daripada pemerintah yang bertanggungjawab terhadap mereka.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa sifat kepimpinan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Hal ini disebabkan sifat kepimpinan yang seharusnya dididik dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Hal ini bertujuan mencerminkan gaya kehidupan yang berketerampilan dan berintegrasi menerusi sistem sosioekonomi yang digunakan di negara kita. Secara tidak langsung, perkara ini menyebabkan masyarakat lain memandang tinggi prinsip peradaban yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Akhirnya, sifat kepimpinan dalam cerita rakyat mampu membina satu bentuk masyarakat yang mementingkan usaha mengekalkan perhubungan sosioekonomi antara negara.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperincikan sifat kepimpinan yang dimiliki dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini dikatakan demikian, kerana sifat kepimpinan dalam cerita rakyat mampu membentuk jati diri kanak-kanak dan remaja. Hal ini menyebabkan prinsip-prinsip kepimpinan mampu membentuk pemikiran rasional serta berakhlak mulia dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Oleh hal yang demikian, cerita rakyat seharusnya diterapkan dalam kehidupan kanak-kanak dan remaja untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa. Justeru itu, sifat kepimpinan dalam cerita rakyat perlu dimartabatkan demi mewujudkan golongan muda yang berkredibiliti dalam menerajui sesebuah negara maju.

## **PENGHARGAAN**

Makalah/artikal ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

## **RUJUKAN**

- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif DarahPutih. *Jurnal IPDA*. 26(1), 203-211.
- Dundes, A. 1965. *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan DalamTangon Terpilih Suku Kimaragan di Sabah. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 32(1), 175-201.
- Junaini Kasdan. 2020. Penciptaan Istilah dan Akal Budi Melayu. *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 8(1), 3-16.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 10(2), 48-56.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20(1), 79-92.

- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif. *Jurnal Kesidang*. 1(1), 296-329.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, ArunDaud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5(4), 26-30.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*. 3(2), 147-160.
- Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid & Ani Omar. (2018). Sejarah Melayu Sebagai Lambang Tradisi Akal Budi Bangsa Yang Tinggi. *Jurnal Melayu Sedunia*. 1(1), 191-209.
- Rosmawati Harahap & Alkausar Saragih. (2018). Unsur Karakter Cerita Rakyat Si Mardan. *Jurnal Penelitian Pendidikan Bahasa dan Sastra*. 3(1), 312-317.
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. (2018). Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi Memimpin Menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 19(1), 28-42.
- Siregar & Hendriadi. (2019). Analisis Sosiologi Sastra terhadap Cerita Rakyat Datuk Megang Masyarakat Melayu Talawi Kabupaten Batubara. *Thesis Ijazah Sarjana Sastra*. Universiti Sumatera Utara, Medan.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(2), 126-140.
- Uli Wahyuni & Nurshella Amhar Rasidah. (2019). Konjungsi Temporal Dalam Kumpulan Cerita Rakyat Melayu Jambi Tulisan Iskandar Zakaria (Analisis Wacana). *Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*. 3(2), 2597-6095.